

**Malaysia Perlukan Usahawan Belia Untuk Bangunkan dan Jana Kekayaan Negara -
Najib
Bernama
Mei 22, 2014**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Malaysia memerlukan usahawan belia untuk membangunkan dan menjana kekayaan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib dalam laman Facebook beliau Khamis berkata kriteria penting bagi belia Malaysia adalah kesederhanaan, pengetahuan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelawanan, cintakan negara dan bermaruah.

Beliau juga mahu belia Malaysia menjadi contoh dan teladan kepada semua rakyat Malaysia kerana belia pada hari ini adalah pembina negara bangsa masa depan.

"Selamat Menyambut Hari Belia Negara Ke-46 kepada semua belia Malaysia dan mereka yang sentiasa berasa muda! Jangan biarkan sesiapa memandang rendah atas keremajaan anda, tetapi dari segi ucapan, kelakuan dan integriti, jadilah contoh kepada semua rakyat Malaysia kerana belia pada hari ini adalah pembina negara bangsa masa depan," katanya.

Festival Belia Putrajaya akan diadakan selama tiga hari bermula esok di Persiaran Perdana, Putrajaya sempena Hari Belia Negara 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040512>